

Biarkan Dia Berenang

(28 Ogos 2016, Nice, Perancis)

Matahari pada penghujung bulan Ogos bersinar ceria di langit firus lembut. Cahayanya dipuja insan-insan yang membanjiri pesisiran panjang di tenggara Perancis yang dipanggil French Riviera sepanjang musim panas.

Antara kawasan yang popular ialah Promenade des Anglais, atau dalam bahasa Inggerisnya, Lalan Orang Inggeris. Dari awal pagi, pengunjung-pengunjung sudah berhimpun di hamparan pasir yang melengkung bak bulan sabit. Mereka santai menikmati udara yang segar sementara lautan Mediterranean berona lazuardi menggamit mereka untuk berenang dan menyelam. Suasana di pantai riang dengan ketawa kanak-kanak melarikan diri dari buih-buih ombak dan jeritan halus gadis dikejar teruna di celah-celah jasad pemuja mentari yang terdampar di pantai.

Dua orang perempuan memerhatikan ini semua dari atas tangga di sisi tempat lalan jalan kaki. Yang muda seorang remaja berumur 16 tahun. Rambut perangnya ditocang ringkas. Dia memakai blaus kapas hijau limau nipis tidak berlengan dan seluar potongan capri berwarna merah jambu yang berakhir di paras pertengahan betis. Tangan kirinya membetulkan letak beg galasnya, sementara tangan kanannya menggenggam tangan wanita di sebelahnya.

“*Khala* Minna, betul nak teruskan?”

Gadis itu berpaling ke arah wanita yang berumur 55 tahun itu. Wanita itu sebenarnya kurus tinggi, tetapi dia berdiri membongkok sedikit. Rambut yang berwarna perang gelap telah disemat rapi di bawah topi jerami yang bertepi lebar.

“Ya, *habibti*,” Minna menjawab sambil tersenyum. Dia memanggil Leyla dengan panggilan ‘sayangku’, walaupun mereka tiada pertalian darah dan Minna bukan

berbangsa Arab. Leyla kacukan Perancis dan Algeria, sementara Minna berasal dari wilayah Balkan. Namun Minna menganggap Leyla seperti anaknya semenjak mereka mula hidup berjiran sepuluh tahun lalu. “Sudah tiba masanya,” sambung Minna.

Leyla menoleh ke belakang. “Riz dan Stefan! Ayuh! Kami mahu turun sekarang.” Kata-kata itu ditujukan kepada dua orang remaja lelaki yang berlari-lari anak ke arahnya. Stefan, yang lebih tinggi dan jelas sekali keturunan Scandinavia, membawa sekaki payung pantai, dan Riz, adik Leyla, membawa beg yang cukup berisi. Riz dan Stefan memakai seluar pendek dan kelihatan cukup bersedia untuk terus masuk ke laut.

Leyla memimpin Minna turun tangga. Langkah Minna terketar-ketar sedikit seperti wanita yang jauh lebih tua. Jubah santai labuh menutupi tubuh Minna dari paras leher hingga ke betis, menyembunyikan baju mandinya dari pandangan ramai. Dia perlu memakai satu lagi lapis pakaian sebelum dia dapat mencecah laut Mediterranean itu.

Apabila sandal Minna menjejak pantai dan dia terasa pasir hangat di jari-jari kakinya, dia berbisik, “Amir, aku tunaikan harapanmu hari ini, walaupun ini bukan Selat Bosphorus.”

(Mac 1992, Srebrenica, sebuah bandar kecil di timur Republik Bosnia-Herzegovina)

Minna memerhatikan Sara mencanai doh di atas meja dengan penuh teliti. Tangan-tangan Sara yang berkedut menarik, menekan dan menolak adunan elastik itu hingga ia menjadi bundar, diameternya selebar 1 meter. Minna tahu Sara tidak

akan berhenti selagi doh itu tidak mencapai kenipisan yang diinginkan, sehingga dia dapat melihat jari-jari halusnyanya di bawah doh yang telah dicanai itu.

Suasana di dalam dapur rumah Sara bertambah hangat dek ketuhar yang sedang dipanaskan. Di luar tingkap dapur, udara Lembah Drina masih dingin walaupun musim bunga menjelang. Bunyi radio di ruang tamu tidak jelas. Kemudian Minna mendengar bunyi tapak kaki berlari menuju ke arah dapur. Dia menghembuskan nafas lega. Sebentar kemudian anak perempuan Sara tersembul di pintu.

“Mama! Kenapa tidak panggil saya sebelum buat ini semua?” tanya Nisa, sambil melangkah ke meja. “Biar saya ambil alih.”

Sara mengangguk dan Minna lekas-lekas membantu wanita berumur 60 tahun itu duduk di kerusi. Biasanya wanita-wanita di bandar itu tetap cergas dan sihat, namun Sara menghadapi masalah saraf. Segala pergerakan menjadi lambat.

“Minna, engkau mesti tunggu di sini, sampai Amir pulang. Kita makan *burek* ini bersama-sama, ya,” kata Sara dengan suaranya yang terketar-ketar.

Minna tergamam. “Tak . . . apa, Cik Sara. Saya perlu pulang ke rumah.”

“Minna, engkau dah macam ahli keluarga bagi kami,” kata Nisa. Dia membubuh inti daging yang telah ditumis dengan bawang di kaki bulatan doh itu. “Hampir setiap hari engkau datang ke sini, memastikan Mama sehat dan selamat, bila aku bekerja.”

Nisa mendongak dan matanya yang berwarna biru seakan-akan merayu kepada Minna. “Lagipun, engkau yang berbalas-balasan surat dengan Amir bagi pihak kami berdua. Dia pasti lebih selesa berbual dengan engkau daripada aku bila dia pulang nanti.”

Minna tersenyum kecil. Dia tahu Nisa resah berbual dengan Amir yang 15 tahun lebih tua. Amir sentiasa mengingatkan Nisa, melalui suratnya, agar hidup lebih mengikut ajaran agama Islam. Namun Nisa masih mengamalkan gaya hidup seorang Muslim Bosnia sekular, seperti kebanyakan kaum Bosniak di bandar kecil mereka. Cuma Nisa tidak minum arak dan Minna pasti Nisa tiada teman lelaki, sungguhpun Nisa hanya pulang ke rumah pada hujung minggu kerana dia bekerja di bandar lain. Amir seorang sahaja lelaki Bosniak dari kawasan mereka yang pergi merantau demi mendalami agamanya, itupun setelah umurnya menjangkau 38 tahun. Kini setelah lima tahun berada di negara asing, Amir akan pulang.

“Maaf, Cik Sara, Nisa,” kata Minna sambil menghulurkan secawan teh kepada Sara. “Papa akan bangun dari tidur sekejap lagi. Saya mesti ada di rumah bila Papa sedar nanti.”

Nisa mengangguk, tanda faham.

“Besok Minna datang ya. Bawa abangmu sekali. Amir pasti mahu jumpa kawan lamanya,” Sara berpesan.

Minna mengangguk lalu mengucup pipi Sara dan beredar, meninggalkan Nisa meneruskan tugas menggulung doh *burek*. Amir telah menulis yang dia mengidam pastri tradisional Bosnia yang berinti daging itu.

“Minna!” Nisa menyongsong Minna di pintu hadapan.

“Ya?” Minna berpaling.

“Berhati-hati di jalan, ya?”

“Ya, engkau jangan risau.”

“Minna . . .” Ada kekhuatiran pada mata Nisa. Suaranya rendah, tidak mahu ibunya sampai terdengar, padahal Sara memang sudah mula pekak.

“Ada apa, Nisa?” Minna bertanya lembut.

“Amir ada cakap dia datang naik apa? Sebab . . . tadi kawan aku kata sepupunya yang tak pulang-pulang dari sempadan selepas dua orang lelaki Serb memanggilnya ikut mereka. Sepupu dia orang lelaki.”

“Bangsa apa sepupu kawan engkau?”

“Croat.”

Minna memegang bahu Nisa. “Amir tulis dia akan naik bas dari lapangan terbang Sarajevo. Kalau ikut jadual, jam lima petang nanti sampailah abang kau. Kita sama-sama berdoa, ya. Jangan risau. Orang kampung ini masih ingat dan kenal Amir. Dia kan jaguh taekwondo kawasan ini tiga tahun berturut-turut? Lagipun dia bekas guru, orang hormati dia.” Minna cuba menenangkan Nisa dengan pelukan. Nisa hanya mengangguk.

“Nah, lekas balik ke dapur, nanti emak engkau risau.” Nisa senyum dan bergegas ke dapur.

Minna membuka pintu hadapan dan melangkah keluar. Hatinya mula tidak senang. Suasana di kawasannya akhir-akhir ini terasa tegang, semenjak Republik Bosnia-Herzegovina mengisytiharkan kemerdekaan mereka daripada Republik Sosialis Federal Yugoslavia pada 3 Mac tahun itu. Langkah itu ditentang beberapa pemimpin berbangsa Serb di Bosnia-Herzegovina. Mereka ingin kekal terkait pada Republik Serbia, yang pada waktu yang sama sedang berperang dengan Republik Croatia, sebuah negara yang pernah menjadi sebahagian daripada Yugoslavia. Minna sendiri berbangsa Serbia dan berfahaman Gereja Ortodoks, namun diam-diam dia menentang laungan lantang berbaur nasionalis daripada pihak-pihak yang mengakui sebagai wakil bangsanya, sehingga bangsa lain mula diselar dengan bicara beracun. Kejirannya berbilang kaum dan dia tidak mahu badai perpecahan melanda kawasan indah itu. Nisa, yang bekerja di bandar yang lebih pesat dan

terdedah kepada perubahan, menghadapi lebih risiko diganggu oleh kaum Serbia kerana dia seorang wanita Bosniak. Bahkan ada orang beragama Kristian bukan-Ortodoks telah diganggu oleh orang Serbia. Minna kesal ketua di gerejanya, yang mana hampir kesemua pengikut merupakan orang bangsa Serbia, tidak berkata apa-apa untuk mengurangkan gangguan kepada bangsa lain.

Sepanjang kehidupannya yang 38 tahun itu, Minna hidup dalam cangkerangnya sendiri. Dia seorang yang amat pemalu dan berat mulut. Dari kecil, dia jarang melawat bandar lain, lebih suka dengan kehidupan di pinggir bandar kecil itu. Bagi Minna, tiada tempat lebih menawan daripada Lembah Drina, di mana bandar kecil Srebrenica bertenggek di kaki lereng gunung tidak jauh dari Sungai Drina. Sepanjang musim bunga dan panas, sungai itu bergemerlapan bak zamrud dan bunga-bunga liar mekar dalam ledakan warna.

Ibunya meninggal dunia ketika Minna berusia 15 tahun. Minna yang menjaga ehwal rumah, sementara bapa dan abangnya menguruskan bisnes pertukangan besi bapanya. Tetapi abangnya akhirnya membuka bengkel kereta sendiri, dan bapanya mengambil seorang pembantu yang kemudian menjadi suami Minna pada hari jadi Minna yang ke-22. Minna pula mengambil upah jahit. Sayangnya, satu kemalangan meragut nyawa suami Minna dan mencederakan bapanya. Pada hari jadi Minna yang ke-30, dia mengebumikan suaminya di perkuburan gerejanya lalu kembali ke rumah untuk merawat bapanya yang kehilangan kaki kanan. Dua tahun lalu Minna semakin masuk ke dalam cangkerangnya apabila bapanya diserang angin ahmar, dan pak cik dan sepupunya mengambil alih bisnes bapanya.

Surat-surat Amir kepada Sara menghiburkan Minna. Catatan Amir dalam kembaranya menjadi seorang Muslim yang berilmu itu membuka dunia Minna. Amir tahu ibunya buta huruf dan Minna yang sering membaca dan menulis apa sahaja

yang ingin Sara sampaikan. Sara kata tulisan Minna cantik, tidak seperti tulisan Nisa bak goresan kaki ayam di tanah. Amir bukan orang asing kepada keluarga Minna. Amir dan abang Minna belajar di sekolah yang sama selama 15 tahun. Mereka berkawan baik.

Pada awalnya, surat-surat Amir akan bermula dengan “Untuk Mama dan Nisa yang tersayang . . . ”, namun lama-kelamaan, ia berubah ke “Untuk Mama, Minna dan Nisa yang dirindui . . . ” dan warkah Amir semakin ada catatan yang khusus walaupun tidak bernada peribadi untuk Minna. Amir tahu minat Minna dalam fesyen dan kucing. Kadangkala Amir akan sertakan gambar kucing-kucing yang diambil dalam kembaranya dan cebisan kain tradisional dari wilayah tertentu.

Minna sendiri akui yang setiap kali surat daripada Amir diterima Sara, hatinya akan melonjak dengan satu perasaan yang susah untuk dia kenalpasti. Gembira ada, risau ada. Tapi yang pasti, dia tidak sabar membaca kisah-kisah Amir berada di dunia luar, dengan segala keindahan, keanehan dan kepelbagaiannya. Biarlah Minna kekal sebagai seorang tukang jahit di dalam cangkerangnya, di satu sudut terperuk di sebuah kejiranan kecil di timur Eropah, tapi dia tahu di luar sana ada selat bernama Bosphorus di Turki dan setiap tahun ada acara renang merentas selat itu dari kawasan Turki di Asia, ke kawasan Turki di Eropah. Minna yang tidak tahu berenang kerana takut tenggelam hanya mengagumi keberanian perenang-perenang itu. Di Malaysia Amir pertama kali menghirup sup berasal dari Thailand pula. Nama sup itu ‘tomyam’ dan menurut Amir, patut dijadikan ‘ubat’ untuk sesiapa yang selsema atau kedinginan apabila musim sejuk menyelubungi Srebrenica . . .

“Oof . . . ”

Minna yang dari tadi berjalan menunduk tidak sedar akan adanya susuk tubuh di hadapannya.

“Minna?”

Minna melangkah ke belakang dan mendongak, lalu lekas-lekas menunduk. Dada Minna mula terasa hangat. Dia tahu rona merah akan merangkak dari lehernya dan naik ke pipi.

“Amir? Maaf . . . aku terlanggar, tak perasan . . . ” Minna hampir tergagap. “Engkau . . . aah, selamat kembali.”

Minna tahu dia kelihatan bodoh, berbual sambil merenung batu bata di bawah kasutnya, tapi kalau dia mendongak, ke mana harus dia labuhkan pandangannya? Mata Amir yang biru seperti langit menjelang senja, lesung pipit tunggalnya di pipi kiri . . . ? Atau mafela merah yang terlilit di leher? Aah, Minna rasa seperti seorang remaja yang dungu dek mabuk kepayang. Sedangkan dia seorang balu yang semakin menghampiri setengah abad.

“Kebetulan aku terjumpa Alek di lapangan terbang Sarajevo. Dia tumpangkan aku naik van. Aku tak perlu tunggu bas. Nampaknya bisnes import eksport Alek bertambah maju.” Minna kenal Alek. Apabila ibu Alek diserang angin ahmar, Minna juga telah membantu menjaganya.

“Apa khabar kau, Minna? Dalam perjalanan pulang?” Suara Amir lembut.

Minna mengangguk.

“Besok pagi, kau datang ke rumah ya? Ada oleh-oleh untuk kau. Boleh sampaikan salam aku kepada abang engkau? Besok malam, aku ingin jumpa dia, nak tahu juga perkembangannya.”

Minna mengangguk lagi sekali dan bergegas pergi tanpa berpamitan. Fikirannya berkecamuk kini. Abangnya, Zoran, sudah banyak berubah. Dia condong pada golongan yang yakin bahawa pemerintah Bosnia tidak akan menjaga kepentingan kaum Serbia. Dia yakin pemerintah berat sebelah dan menghalang

sebarang peluang untuk kaum Serbia. Lambat laun hak dan peluang kaum Serbia akan ditindas dan dirampas, kata mereka. Apalagi di kawasan tempat tinggal mereka, di mana kaum Serbia merupakan kaum minoriti.

Sejak tahun lepas, Zoran sudah mengeluh perniagaannya kurang maju. Jika Zoran datang ke rumah, dia akan mula mengomel selepas makan malam, kepada Minna dan bapa mereka yang mula nyanyuk itu, dan dengan setiap tegukan *rakija* dari gelas di tangannya, keluhan dan rasa tidak puasnyanya meruap menjadi kemarahan. Amarahnya bertambah semarak jika dia mendengar propaganda pemimpin kaum Serbia di radio atau televisyen. Minna telah belajar untuk mengancingkan mulut selepas dia menyangkal pandangan seorang pemimpin; lebam di mukanya akibat hayunan tangan Zoran hanya pudar selepas lima hari. Kini, bila Zoran mula menggerutu, Minna pastikan dia akan mula menjahit dan bakul berisi alat menjahitnya diletakkan bersebelahan. Dia ingin Zoran tahu yang gunting besarnya berada di sisinya.

Minna harus siapkan makanan lebih untuk malam nanti. Zoran kata ada beberapa rakannya akan datang, termasuk pak cik dan sepupu mereka yang telah mengambil alih pertukangan besi bapa Minna. Dahulu semasa Minna duduk di lutut pak ciknya, dia akan dihiburkan dengan cerita-cerita pengalaman pak ciknya bekerja sebagai penjinak harimau di sarkas bergerak. Kini cerita-cerita itu seperti kisah basi zaman gemilang yang asyik diulang oleh pak ciknya. Pak cik tidak lagi bekerja di sarkas tetapi cambuknya dibawa ke mana-mana.

Malam nanti, Minna akan memencilkan diri di dalam bilik bapanya. Dia perlu pastikan yang bapanya tidak meracau, berbuat bising. Mereka berdua tidak akan diganggu. Jarang sekali orang menjenguk bapanya. Mungkin melihat seorang lelaki yang dulunya tegap dan sasa, kini kurus dan terbaring dengan mulut terherot, kaki

dipotong dan memerlukan lapik untuk menyerap air liur, hanya mengingatkan mereka tentang kemungkinan akan mengalami masa hadapan yang sama kusam.

Biarlah Zoran dan sekutunya melayan diri masing-masing dengan pandangan beracun mereka. Minna akan berada di tingkat dua, di dalam cangkerangnya menguruskan bapanya, meneruskan kerja jahitannya dan bermain-main dengan kucing bapanya.

Minna mempercepatkan langkahnya. Terasa angin semakin kencang, mendorongnya ke arah rumah.

Minna bersyukur yang Zoran dan teman-temannya memilih untuk duduk di bilik depan. Jika dia turun tangga dan masuk ke dapur, tiada yang akan menyedarinya. Namun begitu, Minna berjengket-jengket turun tangga. Bau buah-buahan yang telah ditapaikan menusuk hidung. Berapa banyak botol *rajika* yang telah Zoran buka? Sudah mabukkah mereka? Sudah lewat malam. Tidakkah mereka ingin pulang?

Langkah Minna terhenti apabila suara lantang pak ciknya terdengar. “Kita mesti bersatu! Mesti halau mereka dari bumi ini!”

Yang lain bersorak.

“Biar kita yang menindas sebelum ditindas!” sambung pak ciknya. “Kita jinakkan mereka! Perempuan dan anak-anak mereka sekali. Hah! Aku bersumpah, cambuk aku akan pastikan mereka tunduk pada kita.” Sorak dan ketawa.

“Bila kita akan bertindak?” kata seorang lain.

“Tidak lama lagi.” Suara sepupu Minna. “Orang Bosniak memang bodoh, mereka tidak sedar masa mereka terhad. Kita senyap-senyap bersedia untuk jatuhkan mereka di kampung, di bandar sementara pemimpin mereka hanya bingit di parlimen. Bandar Srebrenica kita ini berada di sempadan Bosnia-Herzegovina dan

Serbia. Bandar ini mesti jatuh dahulu supaya kita dapat bersatu dengan saudara-saudara kita dari Republik Serbia. Bangsa kita akan bangkit!”

“Lagi cepat lagi bagus,” Zoran berkata. “Aku . . . aku dah bosan tunggu bisnes . . . mereka cuma pergi bengkel . . . orang mereka sahaja.”

“Cuba engkau buat kerja dengan lebih teliti dan gunakan alat ganti yang lebih baik,” seorang lain bersuara.

Bunyi gelas jatuh ke lantai. “Apa! Engkau tuduh aku menipu, Maran?”

“Trak aku rosak dua hari lepas aku ambil dari bengkel kau,” balas Maran.

“Berani engkau hina aku di bawah bumbung rumah bapa aku? Mari . . . mari . . .”

“Dah . . . dah, elok kita bersurai,” sepupu Minna memotong. “Ingat, saudara-saudaraku, ini rahsia kita. Maran, engkau terus jadi pekerja misali di balai polis. Engkau mata dan telinga kita di sana. Ayuh, Zoran, aku hantar engkau pulang. Tinggalkan van engkau di sini. Engkau tak boleh memandu kalau mabuk macam ini. Besok pagi, aku bawa engkau di sini. Kita sarapan sama-sama. Aku nampak ada roti lebih, pasti Minna akan masak *popara* besok.”

Bunyi orang beredar dan membuat janji untuk bertemu pada keesokan hari.

Minna lekas-lekas naik tangga dan bersembunyi dalam kegelapan apabila ada bunyi orang menuju ke dapur.

“Minna! Minna!” Zoran melaung. “Aku nak balik. Besok aku dan Paul datang, siapkan sarapan!”

“Shhh . . . Zoran . . . Minna agaknya dah tidur,” sepupunya memujuk.

“Paul . . . aku tahu engkau ada hati untuk Minna, tapi engkau berdua bersepupu. Terlalu rapat untuk berkahwin!” Zoran mengejek.

“Zoran, kalau engkau ada adik ipar yang menjadi anggota majlis elit dalam kepimpinan baru di sini nanti, apa perasaan engkau?”

Zoran diam lalu berkata, “Kalau engkau masuk majlis elit, pasangan engkau mesti anggun, pandai bergaul. Minna tu dah lah tua, belajar pun tak seberapa. Mandul pun. Dia cuma tahu jaga rumah, jaga orang tua, . . . masak . . . jahit.”

Paul ketawa kecil. “Engkau betul mabuk Zoran, kalau engkau tak nampak nilai Minna. Dah . . . mari aku hantar pulang. Besok kita perlu siapkan tempat untuk menyimpan bekalan kita. Aku rasa bila-bila masa lagi, kita akan dapat arahan bertindak.”

“Ahahah . . . kita ada senjata dan cambuk bapa kau, Paul! Tanah ini milik kita! Kita bersihkan bumi ini daripada bangsa mereka! Darah akan mengalir . . .” Zoran bersorak kecil.

“Jaga mulut engkau, Zoran,” Paul menyambut. Bunyi pintu belakang dibuka dan ditutup. Rumah kembali sunyi.

Minna menurunkan tangannya yang dari tadi melitup mulut. Dia terduduk di atas anak tangga. Dia seakan tidak percaya apa yang dia telah dengar. Apakah Zoran dan rakan-rakannya ingin menghalau kaum-kaum lain? Tapi Zoran sebut “darah” . . . adakah . . . oh, Minna tidak dapat membayangkan.

Minna menarik nafas dalam-dalam untuk memusatkan fikirannya. Dia mengerling ke arah jam dinding. Tengah malam. Dia hanya ada lima jam untuk bertindak. Apapun, dia mesti bersihkan rumah dan siapkan sarapan sebelum Zoran dan Paul tiba.

Minna berlari ke bilik bapanya. Dengan berhati-hati, dia menggugah bapanya. Orang tua itu tidak membantah apabila Minna menyuapkan ubat yang dapat membuatnya tidur lebih lama. Minna kemudian mengambil ponjen yang terselit di

bawah tilamnya. Selepas mengikat selendang di kepala dan melilit mafela bulu di bahunya pula, Minna berlari keluar rumah. Dia tidak berani menggunakan basikal; dia fikir lebih senang mengelak rondaan atau pandangan orang jika berjalan kaki.

Minna mengetuk pintu belakang rumah Sara dengan perlahan-lahan. Dari tingkap dapur, dia nampak ada lampu dihidupkan di bilik hadapan. Mungkin Amir dan Nisa belum tidur.

Minna melepaskan nafas lega apabila pintu dibuka Amir. Kelihatan kelibat Nisa di belakang Amir.

“Minna, apa kau bu—”

Minna tidak peduli tentang rasa segan lagi. Dia mara ke hadapan, menyebabkan Amir terpaksa mundur dan melepaskan pegangannya pada tombol. “Amir, Nisa, keluarga engkau mesti tinggalkan kawasan ini.”

Nisa memegang bahu Minna. “Duduk dulu. Terangkan kepada kami.”

Minna menceritakan apa yang telah didengarnya tadi. “Kaum kau dalam bahaya. Bila-bila masa lagi militia Serbia boleh menyerang.”

Amir diam sahaja.

“Amir,” kata Nisa. “Aku percaya kata-kata Minna. Di bandar, semakin sering aku lihat orang lelaki Serb berikan tanda tiga jari ternaik itu sesama mereka. Aku rasa itu tanda mereka sokong kebangkitan puak Serbia dan Republik Serbia.”

Minna memejamkan mata, membayangkan tabik tangan itu: ibu jari, telunjuk dan jari hantu dinaikkan, dua jemari yang lain menutup tapak tangan. Dia sering melihat Zoran buat isyarat kaum Serbia yang asalnya dikaitkan dengan kejayaan itu kepada kawan-kawannya. Sekarang ia menjadi lambang satu pakatan yang hodoh.

Dia mendongak ke arah Amir. “Engkau tak patut berada di sini. Orang lelaki seperti kau menjadi sasaran utama.”

Amir mengangguk. “Aku memang mahu bawa keluarga aku keluar dari sini. Aku mula-mula berharap biarlah Serbia dan Croatia berperang, asalkan negara kita tidak terjejas. Tapi, Allah telah menggerakkan aku cuba cari jalan bawa keluarga aku keluar. Cuma tidak seawal ini. Aku tak sangka Zoran boleh berubah dan Maran menjadi talem dua muka.” Nada suaranya kecewa.

Minna bersuara, “Zoran banyak berubah bila hidupnya tiada kemajuan.” Dari dulu Minna tahu, Zoran mudah salahkan orang lain daripada melihat kelemahan sendiri.

“Apa kita nak buat sekarang? Bagaimana kita nak tinggalkan? Ke mana?” Nisa bertanya dalam keliru dan takut. Kemudian dia terkejut apabila pintu diketuk dua kali.

“Itu Alek,” kata Minna. Dia yang berdiri dan membuka pintu. Alek lekas-lekas masuk. Amir dan Nisa terpinga-pinga. “Sebelum aku ke sini, aku pergi jumpa Alek. Dia akan bantu engkau keluar dari sini. Dia bukan anggota kumpulan Zoran.”

“Dan aku berhutang budi dengan Minna. Jangan risau, aku tahu beberapa cara bawa barang keluar masuk tanpa menarik perhatian pihak berkuasa,” Alek berbisik. “Tak semua orang sokong pemimpin Serbia yang gila kuasa dan wilayah itu. Amir, aku akan tunggu di hujung jalan sana. Gelap sedikit. Engkau perlu bawa emak dan adik engkau ke sana. Bawa apa yang perlu sahaja.”

Amir mengangguk. Minna mendengar Amir mengarahkan Nisa pergi siapkan emak mereka dan keperluan yang hendak dibawa. Dia terasa penat sekali. Tidak pernah dia berbual begitu banyak dalam dua jam. Tetapi dia kekal berdiri.

“Minna.” Amir berdiri di hadapannya. “Ikut kami ya. Kalau abang engkau tahu apa yang engkau buat, entah apa yang akan dia lakukan nanti.”

Minna merenung wajah Amir. Tidak mungkin dia akan lupa wajah Amir pada saat itu. Sungguh prihatin terhadapnya. Minna memantapkan suaranya. “Aku masih ada Papa dan kucing kami. Zoran tidak akan pengapakan aku.” Lagipun, Minna sudah berjanji dengan Alek yang dia akan jahitkan baju kahwin adiknya secara percuma nanti, selepas dia buktikan Amir sekeluarga selamat tinggalkan tempat ini.

Amir melepaskan keluhan. “Tunggu dulu.” Dia beredar dari dapur.

Minna mematikan lampu dapur. Dalam kesamaran yang hanya diterangi lampu bilik hadapan, dia menyiapkan bekalan air dan makanan, termasuk baki *burek*. Dia memasukkan pisau, gunting, sebiji cangkir dan beberapa kotak mancis ke dalam bakul kecil itu.

Apabila Nisa, Amir dan Sara tiba di pintu dapur dengan satu beg sederhana dan beg gelas masing-masing, Minna menyeka air mata kesedihannya.

Tanpa berkata-kata, dia memeluk Sara dan mencium pipi dan tangan wanita yang berkedut itu. Dia membetulkan letak baju panas dan mafela bulu Sara. Semasa dia memeluk Nisa, Minna dapat merasa tubuh Nisa menggigil. Dia menekan ponjen berisi barang kemas dan sedikit wang ke dalam genggamannya wanita muda itu. “Jangan kau fikirkan untuk kembalikan ini kepadaku, Nisa.”

Nisa mengangguk.

Giliran Amir merenung Minna. “Ikut aku, Minna. Kita akan berenang di laut biru dan bersiar-siar di lembah lain yang indah.”

“Aku tidak boleh berenang, Amir,” jawab Minna, sayu. “Dan kau berdoalah kepada tuhanmu agar Lembah Drina ini sentiasa indah.”

“Sebenarnya aku ada tulis surat untuk kau. Memang niatku untuk memberinya kepada kau sendiri.” Amir meletakkan sepucuk envelop di atas meja.

Amir kemudian mencapai mafelanya yang tergantung di balik pintu dapur dan melilitnya keliling bahu Minna. “Semoga Allah melindungimu.”

Minna mengambil mafelanya yang tersidai di kerusi dan menghulurnya kepada Amir. Amir melilit mafela bulu di lehernya, dan mengangguk. Dia berpaling pada Sara dan dengan mudah, mendukung ibunya. Nisa mengangkat beg dan bakul makanan.

Amir mendahului mereka. Sebelum Amir melangkah bendul pintu, Minna mendengar Amir berkata, “Bismillah.”

Itulah yang terakhir Minna mendengar daripada Amir. Minna tidak dapat keluar memberi amaran kepada keluarga Bosniak yang lain kerana Zoran dan Paul duduk di rumah menantikan panggilan telefon. Zoran mendapat tahu keluarga Amir sudah meninggalkan kejiranan mereka secara diam-diam dan mendadak bila hari sudah lewat petang. Zoran telah menyoal Minna. Mujur Minna dapat mengelak tetapi Zoran berangkat kerana Minna tidak memberitahunya akan kepulangan Amir. Malam itu, apabila Zoran mendapat tahu Minna telah dilihat berjalan dari rumah Amir pada dinihari tadi, api kemarahannya meluap, tidak dapat dibendung. Dia dan Paul bersemuka dengan Minna. Zoran membawa cambuk pak ciknya. Minna tetap menyimpan rahsia pelarian Amir sekeluarga dan bantuan Alek. Pengalamannya bertahun-tahun mengunci mulut telah membantunya. Hanya erangan yang tidak tertahan terlepas apabila libasan cambuk berkali-kali merobek baju dan menyengat tubuh. Kemudian Zoran pergi setelah menyerahkan Minna kepada Paul. Di atas lantai dapur, Paul menunjukkan yang dia ada kuasa atas Minna. Minna cuba melawan tetapi terlalu lemah. Dalam hatinya, dia berdoa Nisa dapat mengelak kerakusan lelaki yang ketagih kuasa. Paul akan mendatangi Minna setiap dua hari, seakan memastikan yang Minna tiada pilihan kecuali tunduk kepadanya.

Awal bulan April, militia bangsa Serbia mengepung bandar Srebrenica, dan memasuki penempatan kaum Bosniak. Waktu itu Minna sedang menyulam labuci pada baju perkahwinan adik Alek. Minna dikurung di rumah oleh Zoran dan Paul. Melalui bisikan adik Alek, Minna mendengar cebisan kekejaman yang dialami kaum Bosniak di bandar-bandar lain di tangan pihak Serbia. Kem tumpuan untuk mengurung orang Bosniak mula dibina. Minna gerun memikirkan, jika Zoran dan Paul sanggup mendera dia, darah daging mereka sendiri, apa yang telah mereka lakukan terhadap kaum yang mereka anggap musuh? Padahal Zoran membesar dengan orang-orang Bosniak seperti Amir, bermain bola sepak sepasukan dan bersuka ria bersama-sama. Minna tahu mengingatkan sejarah ini kepada Zoran sia-sia sahaja. Zoran hanya akan ingat berapa kali dia dikalahkan Amir dalam pertandingan taekwondo, berapa pelanggan Bosniak yang mengadu khidmat bengkelnya tidak bagus dan berapa ramai orang Bosniak menjadi penyelia berbanding dengan orang Serbia.

Adik Alek berkahwin dalam musim luruh. Di gereja, orang mula berbisik-bisik tentang kandungan Minna yang kian ketara. Minna mula mengambil perca-perca kain yang berwarna terang untuk dijadikan selimut untuk bayinya. Biarlah ada keceriaan dalam hidup anaknya kelak dalam suasana yang kelim itu. Namun Minna keguguran, diikuti dengan kematian kucing tua bapanya dan dua minggu kemudian bapanya sendiri meninggal dunia. Sewaktu jiran-jiran berziarah dan menyampaikan simpati, Alek menghampiri Minna dan menyarankan bantuannya. Dua malam kemudian, apabila Zoran dan Paul berada di tempat lain, Alek dan Minna meninggalkan bandar mereka. Adik Alek sudah berpindah. Dua bulan kemudian, Minna berada di pingiran sebuah pekan di Perancis. Antara barang-barang di dalam beg yang dibuat daripada cantuman kain perca, ada gunting, gambar-gambar

hasil jahitan Minna dan sekeping surat yang sudah berulang kali dibaca sehingga garisan lipatannya ditampal dengan pita pelekat lutsinar, agar surat itu tidak terkoyak. Minna perkemaskan lilitan selendang bulu di leher dan bahunya, dan membuka langkah untuk kehidupan baharu.

(28 Ogos 2016, Nice, Perancis)

Minna merasakan mata-mata orang tertumpu pada susuk tubuhnya sambil dia menapak ke arah bibir pantai. Dia tidak lagi memakai jubah. Di kiri dan kanannya, Riz dan Stefan bergerak bersama-samanya.

“*Khala*, teruskan. Kami akan pastikan *Khala* selamat,” kata Riz.

“Hey!” teriak seorang lelaki. “Orang macam dia tak dibenarkan berenang di sini!”

“Mana peronda pantai?” teriak seorang lagi.

Stefan berpaling ke belakang.

“Biarkan Leyla uruskan orang bodoh itu, Stefan,” kata Riz. “Kita ada tugas lain.”

Mereka bertiga berjalan terus, meninggalkan jejak tapak kaki di pantai kuning air itu. Langkah Minna semakin mantap. Bahunya menegak. Kepala Minna tidak tertunduk.

Sementara itu Leyla berhadapan dengan beberapa orang yang membantah dengan perbuatan Minna. Lebih tepat, pakaian Minna.

“Adik,” nasihat seorang wanita berumur 30-an, “mak cik awak tidak boleh pakai burkini di sini. Telah diharamkan.”

Seorang lelaki setengah abad mara kehadapan dan mencemuh kepada Leyla, “Engkau orang Muslim semua sama sahaja! Suka buat huru-hara. Mesti nak

berbeza. Ini Perancis! Balik ke kampung engkau yang tidak bertamadun! Panggil peronda! Perempuan itu berpakaian terroris!”

“Hey, kalau itu pakaian terroris, sibuklah polis tangkap penyelam skuba!” gumam seorang remaja.

“Eh!” kata seorang pemuda berambut gondrong. “Pengharaman itu tidak ada lagi! Semalam mahkamah telah berkata pengharaman pemakaian burkini di pantai Nice melanggar hak asasi!”

“Apa Islam tahu tentang hak?” balas lelaki pertama itu. “Di Perancis, agama tidak ada tempat! Hanya kebebasan, kesetaraan, dan persaudaraan!”

“Kalau bebas, kenapa mak cik itu tak boleh pakai burkini?” tanya Rambut Gondrong.

“Kalau Perancis tak ada agama, kita semua masuk neraka,” remaja lelaki tadi menyampuk.

“Mulut engkau celupar!” herdik lelaki setengah abad itu.

Seorang wanita tua mencelah. “Mengapa wanita Muslim itu menyibuk di sini?”

“Dia bukan orang Muslim!” akhirnya Leyla mencetus. Mereka yang mengerumuninya terdiam.

“Kalau dia bukan Muslim, kenapa dia tutup seluruh badan dan rambut dia macam itu?” tanya wanita berambut perang berbikini merah.

“Dia ada penyakitkah? Maka dia tak boleh terdedah kepada cahaya matahari? Barah kulit?” terjah Rambut Gondrong. Wanita berambut perang tadi terus menaikkan tuala yang asalnya diikat di pinggangnya ke paras bawah ketiakanya.

“Buat apa pergi berenang di pantai? Carilah kolam renang tertutup!” dengus lelaki tua.

“Barah? Kasihan . . .” kata seorang wanita lagi. “Agaknya hayatnya akan berakhir dan ini impiannya . . . Mungkin kepalanya botak. Bagus juga ada burkini.”

Mereka bersurai dengan andaian masing-masing.

Leyla menghembuskan nafas lega. Sebenarnya Leyla sudah lama tidak nampak Minna ke gereja. Dia tahu Minna tidak ingin orang ramai lihat kesan sebat pada tubuhnya. Leyla dan ibunya yang mengajar Minna berenang di kolam setelah mereka menghadihkannya dengan sepasang burkini. Leyla tidak akan lupa saat Minna menerima hadiah itu; raut wajahnya menjadi sayu dan kemudian gembira. Minna kelihatan sungguh teruja. Kini, Minna berkeyakinan untuk berenang di lautan terbuka.

Minna berdiri sejenak. Jari-jari kakinya melentur, menekan pasir kemudian mengendur. Minna memerhatikan ombak datang dengan desiran lembut, buih-buih putih menerpa ke pantai, membelai jemari kakinya, kemudian surut. Dan Minna mengikut buih-buih itu kembali ke laut dengan senyuman lebar. Apabila air sudah berada di paras atas pinggangnya, dia membongkok, seakan setengah merukuk tetapi lengannya diluruskan ke hadapan. Kakinya diangkat dan dia kini separuh terapung. Bebas. Dia akan bermula dengan renang kuak dada.

Minna menghirup udara dalam-dalam dan melepaskannya. Dia merapatkan kedua-dua tangannya ke dada.

“Bismillah.”

(4730 perkataan)